

TRANSFORMASI INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK SEBAGAI MEKANISME KELANGSUNGAN PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL DI MALAYSIA

THE TRANSFORMATION OF PONDOK INSTITUTIONS AS A SUSTAINABILITY MECHANISM FOR TRADITIONAL ISLAMIC EDUCATION IN MALAYSIA

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin ^{1*}

Khafizatunnisa' Jaapar ²

Juriah Mohd Amin ³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: khafiz920@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: juria876@uitm.edu.my)

*Corresponding author: mohdz560@uitm.edu.my

Article history

Received date : 2-6-2026

Revised date : 3-6-2026

Accepted date : 30-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Zainal Abidin, M. Z. H., Jaapar, K., & Mohd Amin, J. (2026). Transformasi institusi pengajian pondok sebagai mekanisme kelangsungan pendidikan Islam tradisional di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 865 – 878.

Abstrak: *Institusi pengajian pondok merupakan antara sistem pendidikan Islam tradisional yang telah memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu, pembentukan akhlak serta pembangunan modal insan Muslim di Malaysia sejak berabad-abad lamanya. Walau bagaimanapun, institusi ini berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa seperti perubahan landskap pendidikan, perkembangan teknologi digital, persaingan dengan institusi pendidikan formal serta perubahan keperluan masyarakat yang menuntut pendekatan pendidikan yang lebih dinamik dan relevan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk-bentuk transformasi yang dilaksanakan oleh institusi pengajian pondok dalam memastikan kelangsungan fungsi dan peranannya sebagai pusat pendidikan Islam tradisional di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan perkembangan institusi pondok selain meneliti kajian-kajian terdahulu mengenai transformasi pendidikan Islam. Hasil kajian mendapati bahawa transformasi institusi pondok berlaku dalam beberapa dimensi iaitu pemodenan sistem pengurusan, pengintegrasian teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penambahbaikan kurikulum, pengukuhan jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan serta menstrukturkan sumber kewangan. Walaupun mengalami pelbagai perubahan, institusi pondok masih mengekalkan elemen terasnya seperti sistem talaqqi, pengajian kitab turath, pembentukan adab dan hubungan guru-murid yang menjadi identiti pendidikan Islam tradisional. Kajian ini merumuskan bahawa transformasi yang bersifat*

seimbang antara pemeliharaan tradisi serta pembaharuan mengikut arus semasa merupakan mekanisme penting dalam menjamin kelangsungan institusi pengajian pondok sebagai warisan pendidikan Islam yang terus relevan. Implikasi kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan institusi pondok yang lebih mampan pada masa hadapan.

Kata Kunci: *Institusi pengajian pondok, pendidikan Islam tradisional, transformasi, kelangsungan institusi.*

Abstract: *Pondok institutions constitute one of the traditional Islamic educational systems that have played a significant role in the dissemination of knowledge, moral development, and the cultivation of Muslim human capital in Malaysia for centuries. Nevertheless, these institutions currently face various challenges, including changes in the educational landscape, the rapid advancement of digital technology, competition from formal educational institutions, and evolving societal needs that demand more dynamic and relevant educational approaches. Therefore, this study aims to analyse the forms of transformation implemented by pondok institutions to ensure the continuity of their functions and roles as centres of traditional Islamic education in Malaysia. This study adopts a qualitative approach through document analysis of primary and secondary sources related to the development of pondok institutions, in addition to reviewing previous studies on the transformation of Islamic education. The findings reveal that the transformation of pondok institutions has occurred in several dimensions, namely the modernisation of management systems, the integration of digital technology into teaching and learning processes, curriculum enhancement, the strengthening of collaborative networks with government agencies, and the restructuring of financial resources. Despite undergoing various changes, pondok institutions continue to preserve their core elements, such as the talaqqi learning system, the study of classical Islamic texts (kitab turath), the cultivation of adab (Islamic manners and ethics), and the close teacher-student relationship that characterises traditional Islamic education. The study concludes that a balanced transformation that harmonises the preservation of tradition with contemporary reforms serves as a crucial mechanism for ensuring the sustainability of pondok institutions as a heritage of Islamic education that remains relevant in the modern era. The findings are expected to provide valuable insights for stakeholders in formulating policies and strategies aimed at developing more sustainable pondok institutions in the future.*

Keywords: *Pondok institutions, traditional Islamic education, transformation, institutional sustainability.*

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu dikatakan bermula pada abad ke 9 M. Negeri yang paling awal menerima syiar Islam ialah negeri Kedah (9 /10 M), Pahang (11 M), Kelantan (12 M), Terengganu (13 M) dan seterusnya Melaka (15 M) (Zahirwan, 2012). Perkembangan Islam di rantau ini bukan hanya usaha para pedagang dan sikap orang-orang Melayu yang mudah menerima Islam tetapi keterlibatan para pendakwah dari kalangan para mubaligh, ulama dan golongan sufi (Siddiq, 1986 ; Lailatul, 2025). Kegiatan agama, ilmu dan pendidikan Islam dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh para ulama dan pendakwah apabila Islam telah tersebar dan kukuh di Tanah Melayu Proses keilmuan dan penyebaran ilmu-ilmu keislaman terhadap masyarakat pada peringkat awal telah berlangsung di masjid, istana, rumah guru, surau. Hasil inisiatif para guru agama dan ulama

rantau Nusantara, maka institusi pondok telah diasaskan sebagai kesinambungan kegiatan keilmuan yang berlangsung di rumah guru dan surau pada peringkat awal (Abdullah, 1992 ; Aisyah, 2020).

Institusi pengajian pondok merupakan institusi pendidikan Islam secara formal yang paling awal ditubuhkan di Malaysia (Syafareena, 2023). Institusi ini berperanan penting dalam menyumbang kepada transmisi ilmu, melestarikan nilai-nilai tradisi Islam, melahirkan calon ulama serta pembentukan masyarakat yang beragama (Anuar, et al., 2016). Pendidikan pondok juga bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan agama Islam, berakhlak mulia serta dapat membimbing masyarakat ke arah pembudayaan ilmu dan syiar Islam. Matlamat utama penubuhan institusi pengajian pondok juga ialah untuk melahirkan masyarakat yang dapat mengamalkan serta menghayati setiap ajaran Islam dengan baik dan sempurna (Abdul Hafiz, et.al.,2012). Perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu, akhlak dan disiplin diutamakan dalam pendidikan pondok. Kesannya, institusi pondok telah melahirkan ramai para ulama dan individu yang mahir dalam hal ehwal agama Islam serta mampu menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat (Rahimin, et al.,2015).

Pernyataan Masalah

Menurut Aisyah & Roslan (2020), institusi pengajian pondok telah mengalami cabaran dan kemerosotan apabila institusi pendidikan yang lebih moden diperkenalkan di Malaysia bermula pada zaman penjajahan British . Kekangan ini merupakan antara permasalahan utama dalam memastikan institusi pengajian pondok dapat mengekalkan kelangsungannya sebagai institusi pendidikan Islam di negara ini. Institusi pengajian pondok kini terpaksa bersaing antaranya dengan madrasah, tahfiz, sekolah dan universiti. Pembelajaran di sekolah yang lebih sistematik juga mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke madrasah dan sekolah berbanding ke institusi pengajian pondok. Institusi madrasah dan persekolahan telah memperkenalkan matapelajaran-matapelajaran khusus berkaitan ilmu-ilmu moden dan tahap kemampuan pelajar dapat diuji dengan menjalani peperiksaan. Selain itu, menurut Abdullah (1990), antara faktor kemerosotan institusi pengajian pondok ialah mentaliti segelintir anggota masyarakat yang mengatakan lulusan pondok tidak mempunyai masa depan yang baik berbanding lulusan sekolah dan madrasah. Mereka akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan madrasah dengan harapan anak-anak mereka akan mendapat pekerjaan yang baik dan masa depan yang lebih cemerlang apabila tamat belajar kelak

Identiti dan kemasyhuran sesebuah pondok juga bergantung kepada ketokohan dan karismatik Tuan Guru dan para guru yang mengajar di pondok tersebut. Menurut Masyurah et.al (2015) dan Izzuddin & Zaini (2013), kelazimannya sesebuah pondok tidak mempunyai pengganti untuk meneruskan kesinambungan dan legasi dalam penyebaran dan perkembangan ilmu pengetahuan apabila seseorang guru meninggal dunia. Tambahan pula, tiada inisiatif yang dilakukan untuk membangunkan serta meneruskan legasi sesebuah pondok sekiranya perkara seperti ini berlaku.

Menurut Salmiah (2014) dan Rahimin (2010), terdapat sarjana yang mengatakan institusi pengajian pondok telah ketinggalan zaman dan tidak seiring dengan kemodenan kerana sistem pengajiannya yang masih mengekalkan kaedah-kaedah tradisi sejak turun temurun. Pendidikan pondok juga tidak lagi berkembang pesat sebagaimana zaman kemuncaknya satu ketika dahulu. Realitinya, institusi ini boleh dikatakan tidak seiring dengan sistem pendidikan aliran perdana. Menurut Luqman (2018), kewujudan pondok-pondok baharu kini adalah lanjutan serta

penambahan kepada pengajian tahfiz dan bukan lagi sistem pondok tradisional sebagaimana dahulu. Manakala Abd. Rahman et al. (2016) menyatakan sistem pendidikan di institusi pengajian pondok berpandukan kaedah tradisi seperti talaqqi dan halaqah juga dikatakan mempunyai beberapa kelemahan antaranya kurikulum pengajian yang tidak tersusun, masa yang tidak mencukupi, ilmu pedagogi yang kurang dimiliki oleh guru pondok serta tidak mementingkan aras atau tahap keupayaan seseorang pelajar dalam mempelajari sesuatu ilmu. Maziahtusima et.al. (2019) dalam kajiannya menjelaskan penumpuan terhadap ilmu fardhu ain semata-mata dengan meminggirkan ilmu fardhu kifayah menyebabkan institusi pengajian pondok tidak mampu bersaing dengan institusi pendidikan dalam arus perdana. Tambahan pula, institusi ini berhadapan dengan beberapa masalah berkaitan kurikulum, kewangan serta isu pengurusan merangkumi pendaftaran, tenaga pengajar dan infrastruktur. Selain itu, Noornajihan (2018) menyatakan bahawa isu pengiktirafan dan pensijilan juga merupakan perkara utama yang dikaitkan dengan institusi pengajian pondok. Ketiadaan pensijilan menyebabkan para pelajar pondok tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan tidak mendapat peluang pekerjaan yang sewajarnya. Muhammad Noh (2024) pula menerangkan bahawa institusi pengajian pondok perlu seiring dengan perkembangan teknologi digital pada masa kini dan perlu melakukan reformasi dalam sistem yang sedia ada. Aspek ini penting agar institusi ini terus kekal dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia dengan menambah baik aspek-aspek antaranya berkaitan komunikasi dan teknologi maklumat.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya. Kajian perpustakaan merupakan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penulisan ini. Kajian kepustakaan adalah kaedah yang digunakan untuk mendapat data atau bukti melalui pengamatan serta kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada (Shaffie, 1991). Kajian ini juga menumpukan kepada analisis kandungan dan deskriptif yang dijalankan berdasarkan analisis dokumen. Analisis dokumen mempertanggungjawabkan kepada pengkaji untuk berusaha menganalisis kandungan dokumen agar isi dan makna dalam sesuatu dokumen dapat diketahui (Kamarul Azmi, 2012). Kajian dijalankan dengan menganalisis dokumen meliputi pembacaan terhadap buku, jurnal, tesis, kertas kerja dan prosiding. Data yang dikumpulkan daripada dokumen-dokumen tersebut akan dianalisis secara kandungan bagi mendapatkan maklumat sebenar berkenaan kajian yang dilakukan.

Sorotan Penulisan

Institusi pondok merupakan pusat pendidikan formal yang paling awal diasaskan di Alam Melayu iaitu sekitar abad ke 19 M. Institusi ini diwujudkan untuk memenuhi tuntutan dan keperluan masyarakat Islam yang memerlukan ilmu dan bimbingan terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah dan ibadah (Masyurah, et.al., 2015). Institusi pondok di negeri Pahang dikatakan bermula di Bukit Ketupat, Lubuk Pelang, Jerantut, Pahang. Pusat pengajian berbentuk pondok ini dikatakan mula berkembang sekitar tahun 1490 M sehingga 1640 M. Pengajian yang dijalankan adalah berkisar tentang Tasawuf berkaitan ilmu hakikat dan tarekat disamping ilmu-ilmu syariat (Muhammad Ikhlas et al., 2015). Di negeri Terengganu, institusi pondok yang paling awal ditubuhkan ialah Pondok Tok Pulau Manis pada awal abad ke 18 M (Mohd Redzuan, 2006 ; Zurita, 2015). Pondok Tok Pulau Manis atau nama sebenarnya Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (1678-1736 M) merupakan antara institusi pendidikan Islam yang paling awal ditubuhkan di Malaysia (Abdul Hakim et al, 2019). Manakala di negeri Kelantan, institusi pondok yang paling awal ditubuhkan ialah Pondok Pulai Condong yang diasaskan oleh Haji Ab. Samad Abdullah atau Tok Pulai Chondong (1792-1874 M) sekitar tahun 1820 M (Zahirwan, 2022). Beliau telah mewakafkan tanahnya untuk pembinaan pondok

serta membina masjid sebagai tempat untuk beribadat dan mempelajari ilmu agama (Siti Nur Azierah, 2021).

Kesucian agama Islam daripada pengaruh agama Kristian dan pemikiran Barat sejak zaman penjajahan dapat dipertahankan dengan kewujudan institusi pengajian pondok. Ini merupakan di antara kekangan utama penyebaran agama Kristian di kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu menemui kegagalan. Institusi ini telah berperanan sebagai pusat memperkasakan akidah, syariat dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam pada zaman penjajahan (Abdul Hakim, et al., 2019). Sistem pengajian yang dipraktikkan di pondok juga dapat menangani kejahilan di kalangan anggota masyarakat sehingga institusi tersebut berjaya melahirkan ramai para ulama yang disegani dan berwibawa (Salmiah, 2014). Disamping itu, institusi pondok melalui warganya juga berperanan dalam aktiviti kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial seperti menghadiri solat jenazah, membaca tahlil, mengimamkan solat serta menyampaikan kuliah. Selain itu, institusi ini juga berperanan sebagai tempat perlindungan kepada mereka yang memerlukan serta menerima dan bertoleransi dengan pelajar dari pelbagai latar belakang atau dari luar kawasan. Aspek ini menunjukkan satu bentuk perhubungan positif di antara masyarakat pondok dan masyarakat umum (Wahyudi, 2024). Menurut Nur Syafareena (2023), institusi pengajian pondok berperanan dalam memperkukuhkan aliran akidah ahli Sunnah wal Jamaah yang merupakan manhaj akidah turun temurun dalam masyarakat Islam di Malaysia. Sistem pengajian yang dilaksanakan di institusi ini perlu berasaskan akidah ahli Sunnah wal Jamaah merangkumi sistem pengajaran dan pembelajaran, kitab-kitab turath yang digunakan serta penguasaan para guru terhadap ilmu dan hukum agama. Sememangnya institusi pondok yang telah diasaskan sejak zaman berzaman menyumbang kepada pembentukan fikrah serta identiti masyarakat khususnya di Malaysia yang berpegang kepada aliran akidah tersebut.

Solahuddin (2016) menyatakan bahawa institusi pengajian pondok perlu melakukan transformasi supaya seiring dengan perkembangan semasa dengan memanfaatkan perkembangan teknologi tanpa menghapuskan identiti tradisi yang masih diamalkan. Perkongsian sumber, kaedah pembelajaran yang interaktif dan penerimaan terhadap ilmu-ilmu semasa seperti keusahawanan, vokasional dan teknologi maklumat akan memberi kelebihan kepada pelajar pondok dalam arus semasa. Manakala Mashitah (2013) pula berpandangan pangkalan data dan direktori yang lengkap perlu dibangunkan untuk mempromosikan pendidikan pondok dan kepentingannya dalam arus pendidikan dan pembangunan masa kini. Akreditasi merangkumi penanda aras juga perlu dibuat bagi memastikan institusi pondok berkembang sejajar dengan perubahan dan perjalanan suasana semasa merangkumi kualiti tenaga pengajar, ketokohan kepimpinan dan pembangunan prasarana.

Pada masa kini, jumlah institusi pengajian pondok yang masih aktif dan mempraktikkan kaedah tradisi di Malaysia berjumlah sekitar 162 buah (Juhaidi, 2018). Institusi pengajian pondok juga masih lagi menyumbang kepada pembangunan pendidikan Islam di Malaysia walaupun berada dalam arus pemodenan dalam pelbagai sistem kehidupan. Institusi pondok juga masih lagi sesuai dan diperlukan dalam pendidikan Islam pada masa kini berdasarkan kepada sambutan masyarakat serta sumbangannya dalam menerapkan ilmu-ilmu Islam dan cara berfikir yang selari dengan syariat Islam (Salmiah, 2014).

Cadangan Transformasi Institusi Pengajian Pondok di Malaysia

Beberapa cadangan transformasi dan penambahbaikan sewajarnya dapat dilaksanakan dalam memastikan institusi ini terus lestari dalam arus pendidikan di Malaysia. Cadangan ini bukan untuk menafikan sumbangan institusi pengajian pondok yang sangat besar dalam pembangunan

pendidikan Islam di Malaysia. Namun, ianya merupakan antara alternatif bagi memartabatkan institusi pengajian pondok seiring dengan institusi-institusi pengajian Islam yang lain. Antara cadangan yang boleh dikemukakan dalam usaha tersebut ialah :

Aspek Tadbir Urus

Survival institusi pengajian pondok yang masih kekal sehingga kini bergantung kepada pengurusan yang efektif serta usaha para guru pondok itu sendiri. Peranan yang dijalankan oleh pihak-pihak terbabit dapat menentukan hala tuju dan kesinambungan sistem pengajian di pondok untuk kekal bersaing dalam arus pendidikan yang semakin berkembang dari semasa ke semasa (Luqman, 2011). Pengurusan yang baik dan sempurna dapat memastikan institusi pondok dapat bertahan dalam pembangunan arus perdana. Pengurusan organisasi yang cekap, persekitaran yang sihat dan kurikulum yang relevan dapat membantu institusi pondok terus terlibat dalam arus pendidikan Islam di Malaysia.

Pengurusan institusi pengajian pondok merupakan satu proses penataan dan pengelolaan lembaga pendidikan pondok yang melibatkan keperluan sumber tenaga manusia dan bukan manusia untuk mencapai tujuan pendidikan di institusi pengajian pondok dengan lebih efektif dan efisien. Walaupun pengurusan institusi ini lebih berdiri sendiri, namun seiring dengan peredaran zaman ia memerlukan beberapa perubahan untuk melonjakkan institusi tersebut pada masa kini. Persepsi lama yang berlegar dalam pemikiran masyarakat bahawa institusi pengajian pondok adalah tradisional dan bebas perlu dikikis memandangkan potensi institusi ini amat penting dan diperlukan dalam kondisi semasa yang semakin mencabar. Urus tadbir yang lebih bersistematik perlu dilaksanakan dalam memacu institusi ini ke arah urus tadbir yang lebih efektif dan fleksibel (Kompri, 2018). Umumnya, kebanyakan institusi pengajian pondok masih lagi tidak berupaya untuk menjalankan tadbir urus yang lebih efisien dan masih mengekalkan kaedah tradisional. Walaupun Zamaksyari (1990) mengatakan terdapat institusi pengajian pondok sudah membentuk lembaga pengurusan yang bersistematik untuk mengelola hal ehwal institusi tersebut, namun usaha ini tidak berlaku secara menyeluruh kepada seluruh sistem pengajian pondok.

Pihak pentadbiran pondok perlu mengambil inisiatif dengan membina hubungan mesra dengan masyarakat awam kerana sokongan daripada semua pihak membantu menjayakan matlamat pendidikan di pondok. Dengan wujudnya hubungan ini, maka pihak pentadbiran pondok dapat meningkatkan sokongan, kepakaran dan khidmat nasihat dalam memantapkan lagi pengurusan institusi pengajian pondok. Pihak pentadbiran pondok juga perlu bekerjasama dengan semua pihak dalam menyelaraskan, merancang serta menilai pengurusan institusi pengajian pondok supaya dapat disesuaikan dan ditambah baik sejajar dengan keperluan semasa. Pertubuhan-pertubuhan yang menaungi institusi pengajian pondok di peringkat negeri atau nasional perlu membantu dan memainkan peranan secara langsung dalam memastikan aspek-aspek tadbir urus dapat dipertingkatkan dalam menjadikan institusi ini dapat beroperasi dengan sewajarnya.

Pertubuhan-pertubuhan pondok seperti Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPMM) dan Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB) di Kelantan juga boleh melaksanakan keputusan dalam memartabatkan sistem pendidikan di institusi pengajian pondok. Sebagai badan yang menaungi pondok-pondok yang berdaftar dengannya, maka langkah-langkah boleh dilakukan dengan melaksanakan beberapa inisiatif dalam meningkatkan corak PnP. Antaranya dengan berusaha mencari dana dalam menyediakan kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan yang lengkap bagi meningkatkan kualiti pengajian di pondok. Selain itu, penganjuran bengkel-bengkel, seminar dan latihan-latihan perlu dilakukan secara berkala dalam memupuk kerjasama

dan pertukaran idea di kalangan pihak pengurusan pondok dan para guru pondok dalam memartabatkan sistem pengajian pondok supaya seiring dengan perkembangan zaman yang semakin moden. Sesuai dengan keadaan dan tuntutan semasa, pihak pengurusan pondok juga perlu menggalakkan para guru yang mempunyai kelulusan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam memantapkan lagi ilmu pengetahuan yang dimiliki. Perkara ini dapat meletakkan institusi pondok seiring dengan institusi-institusi pengajian Islam yang lain yang menitikberatkan aspek tersebut dalam sistem pendidikan yang dipraktikkan.

Diperingkat global, seiring dengan penubuhan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM), maka sewajarnya pemartabatan sistem pendidikan pondok melalui kaedah-kaedah tradisi seperti kaedah halaqah dapat dikekalkan. Dalam mengekalkan kaedah-kaedah tradisi dalam pendidikan pondok, sokongan dan galakan ke arah memartabatkan kaedah tradisi dan turath perlu diberikan oleh badan yang berwajib dalam segenap aspek sama ada aspek material, latihan, bengkel, kursus dan wacana. Aspek-aspek ini merupakan medium dalam meningkatkan lagi sistem pendidikan di pondok yang melibatkan kerjasama semua pihak sama ada pertubuhan pondok, pengurusan pondok serta warga pondok sama ada para guru atau pelajar. Kerjasama pertubuhan-pertubuhan pondok diperingkat negeri juga perlu diberikan kepada YPPM dalam merangka dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan pondok terutamanya berkaitan pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, silibus, prasarana dan pengurusan supaya dapat diselaraskan bagi memudahkan pihak terbabit membantu mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam memartabatkan institusi pondok dalam pendidikan Islam di Malaysia.

Sistem Pengajian

Pada peringkat awal, institusi pengajian pondok telah berjaya membentuk nilai-nilai keintelektualan terhadap masyarakat melayu sehingga berlaku revolusi pendidikan Islam ke arah yang lebih moden dan tersusun. Ilmu-ilmu asas Islam berdasarkan pengajian turath telah menjadikan institusi pengajian pondok sebagai satu keperluan dalam memartabatkan disiplin ilmu Islam melalui cara tradisi turun temurun (Luqman, 2016).

Sistem pengajian pondok juga mementingkan perkaitan antara teori dan praktikal yang menitikberatkan pemupukan budaya ilmu dengan harapan para pelajar mendapat ilmu yang banyak untuk mendapat keredaan Allah SWT, bertindak berdasarkan ilmu yang dimiliki, menyebarkan ilmu, mampu berdikari dan berdisiplin serta berakhlak. Sistem pengajian di pondok yang bersifat terbuka ('umumi) telah memberi peluang kepada sesiapa sahaja tanpa mengambil kira had umur, jantina, bangsa, latarbelakang, kelayakan dan status. Pendekatan ini bertepatan dengan konsep pendemokrasian pendidikan yang berpandukan kepada keutamaan dan kepentingan ilmu terhadap orang Islam, pemilikan ilmu secara bersama dan hak untuk mendapatkan ilmu bagi setiap individu (Rahimin et al., 2015). Menurut Luqman (2018), aspek-aspek seperti cara guru mengajar, sikap pelajar terhadap guru, hubungan pelajar dengan guru serta adab pelajar dengan guru dalam proses menuntut ilmu menjadi satu ukuran ke arah menjadikan pendidikan pondok mampu mencapai tahap bagi melahirkan pelajar yang berkualiti.

Secara umumnya, matapelajaran yang diajar di pondok-pondok ialah Nahu, Saraf, Fiqh, Usul Fiqh, Tafsir, Tauhid, al-Quran, Hadith serta Tasawwuf. Ilmu-ilmu ini merupakan matapelajaran utama di kebanyakan institusi pengajian pondok di Nusantara. Aspek kesegaraman matapelajaran dapat dilihat dalam silibus pengajian pondok. Walaubagaimanapun, para guru yang mengetuai institusi pengajian pondok mempunyai autonomi dalam menentukan sistem

dan silibus pengajian tanpa ada kekangan. Sistem pendidikan pondok tidak mempunyai sukatan matapelajaran tertentu kerana semuanya ditentukan oleh guru-guru sama ada daripada aspek pemilihan kitab atau matapelajaran yang hendak diajar. Silibus di institusi pengajian pondok telah diasaskan oleh guru pondok dan bukan silibus rasmi yang dirangka oleh sesebuah badan yang dilantik. Institusi pengajian pondok yang diketuai oleh Tuan Guru mempraktikkan silibus secara berasingan mengikut kehendak atau kepakaran Tuan Guru masing-masing. Silibus ini dilaksanakan tanpa mempunyai penyelarasan yang menyeluruh di antara satu pondok dengan pondok yang lain. Perbezaan ini antara lain disebabkan oleh kemampuan Tuan Guru itu sendiri disamping kemampuan para pelajar serta masyarakat setempat (Abdullah, 1987).

Justeru itu, keperluan ke arah usaha penyeragaman silibus untuk semua institusi pondok sewajarnya dilaksanakan. Satu bentuk silibus yang “standard” perlu diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan pembangunan pondok seperti Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPM) dan Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPP) di Kelantan untuk menjamin kualiti dan serta mutu pengajian di institusi tersebut. Usaha ini dirasakan perlu bagi membolehkan para pelajar lepasan pondok mencapai kepakaran yang sama serta dapat berdaya saing kerana mereka dididik dibawah satu sistem dan silibus yang sama. Kajian-kajian dan perbincangan perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terbabit dalam pembangunan pendidikan khususnya pendidikan Islam di Malaysia. Kerjasama yang sewajarnya perlu dijalinan oleh semua pihak merangkumi pakar pendidikan, institusi pengajian pondok, pertubuhan-pertubuhan yang menaungi institusi pengajian pondok serta pihak kerajaan ke arah merangka satu kurikulum dan silibus yang dapat meningkatkan tahap pendidikan di institusi tersebut.

Pengajian di institusi pondok menumpukan kepada pengajian kitab-kitab klasik atau dikenali dengan kitab kuning. Sistem pengajian berasaskan pengajian turath sememangnya perlu dikekalkan kerana ianya merupakan identiti pengajian pondok sejak zaman berzaman. Tradisi pengajian turath masih relevan dan penting untuk dilaksanakan pada masa kini dalam membentuk jatidiri pelajar agama dalam mempertahankan kesusasteraan Islam selain merupakan identiti asal pengajian Islam. Kitab-kitab turath masih menjadi rujukan utama dalam aliran pengajian Islam di universiti-universiti. Para guru pondok juga berperanan dalam menyumbang kepakaran mereka dalam ilmu turath kepada sistem persekolahan dan universiti (Luqman, 2008). Namun, institusi pengajian pondok perlu juga membuka ruang kepada pengajian kitab-kitab yang lebih kontemporari di samping pengajian kitab-kitab turath. Anjakan ini semakin diperlukan pada masa kini memandangkan banyak isu dan permasalahan baru yang timbul seiring dengan perkembangan dan suasana globalisasi yang semakin drastik. Penilaian terhadap amalan-amalan dan penetapan hukum terhadap sesuatu permasalahan memerlukan pertimbangan yang mendalam dalam segenap aspek. Justeru, kombinasi antara ilmu-ilmu turath dan terkini dirasakan perlu untuk meningkatkan lagi daya fikir serta penilaian-penilaian yang saksama dalam merungkaikan permasalahan-permasalahan yang timbul sesuai dengan perkembangan zaman. Walaupun aspek-aspek ini dapat dilihat dalam sistem pengajian pondok moden, namun sistem pengajian pondok tradisional sewajarnya dapat mengambil pendekatan yang sama dengan mengharmonikan pengajian turath dan pengajian moden. Selain itu, menurut Gamal (2010), antara penambahbaikan yang perlu dilaksanakan ialah pembaharuan bahan-bahan dan kandungan pembelajaran dengan memasukkan subjek-subjek umum, kemahiran, keusahawanan serta memperbaharui sistem pengajian dan metodologi pendidikan. Keterbukaan ini perlu dilaksanakan untuk membantu sistem pengajian pondok tradisional agar dapat menyumbang dan melengkapi sistem pendidikan yang sedia ada seiring dengan keperluan arus perdana.

Pihak pentadbiran pondok melalui badan-badan yang ditubuhkan untuk menyelia pondok-pondok di negeri-negeri di Malaysia contohnya YPMM dan PPPB perlu menyeragamkan penggunaan kitab-kitab yang diajar di institusi pengajian pondok. Perkara ini memandangkan sejak dahulu sehingga kini, kitab-kitab dalam bidang ilmu yang perlu dipelajari telah ditentukan serta bergantung kepada ketetapan yang dilakukan oleh pihak pengurusan pondok secara persendirian. Pada pandangan pengkaji, walaupun kitab-kitab pengajian utama dalam disiplin ilmu yang diajar dipondok boleh dikatakan mempunyai persamaan antara pondok-pondok, namun penyeragaman penggunaan kitab-kitab ini sangat penting dalam memastikan ilmu-ilmu yang diajar dapat memenuhi dan diselaraskan mengikut keperluan semasa walaupun masih mengekalkan sistem pengajian berasaskan kitab-kitab turath. Penyeragaman yang dilaksanakan juga mampu membentuk satu silibus dan kurikulum dalam memastikan institusi pengajian pondok mampu diuruskan secara tersusun dan bersistematik. Disiplin-disiplin ilmu yang dipelajari melalui kitab-kitab yang digunakan juga akan menambahkan kepakaran warga pondok dalam perkembangan ilmu pengetahuan yang sama tanpa wujudnya perbezaan yang ketara terhadap penguasaan ilmu yang dimiliki.

Pihak pentadbiran pondok juga perlu mengadakan inisiatif dengan mengadakan sistem pengajian berasaskan peperiksaan. Kini, para pelajar di institusi pengajian pondok tradisional (tidak melibatkan pondok moden) perlu mencari inisiatif sendiri untuk mendaftarkan diri mengambil peperiksaan utama di luar sistem pengajian pondok. Institusi pondok tradisional kebanyakannya tidak mempunyai peperiksaan khusus dalam menilai tahap kefahaman dan keupayaan para pelajar berkaitan bidang ilmu yang dipelajari. Peperiksaan sijil pondok secara berpusat mengikut takwim pengajian pondok perlu diadakan di seluruh sistem pengajian pondok dalam memastikan pemartabatan sistem pengajian pondok selaras dengan keperluan pendidikan Islam masa kini. Mekanisma ini juga dapat membantu para pelajar tersebut menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam meningkatkan penguasaan terhadap ilmu pengetahuan yang dimiliki. Walaupun sistem pengajian pondok tidak mementingkan dan berasaskan sijil kelulusan, namun keperluan ini pada hemat pengkaji adalah bersesuaian dengan suasana pendidikan semasa dan membantu proses keilmuan para pelajar pondok itu sendiri.

Bantuan Kewangan

Secara umum, perbelanjaan untuk menguruskan institusi pendidikan sememangnya memerlukan bajet yang tinggi untuk menampung pelbagai kos penting seperti pengurusan, kebajikan, utiliti, prasarana serta infrastruktur. Bantuan dan peruntukan secara berterusan dalam tempoh jangka masa panjang amat perlu untuk pengoperasian institusi pendidikan agar dapat memberi impak yang positif terutamanya aspek pengajaran dan pembelajaran (PnP). Institusi-institusi pendidikan yang rasmi di bawah bantuan kerajaan mungkin tidak menjadi masalah dalam mendapatkan bajet kewangan, namun institusi-institusi pendidikan lain seperti institusi pengajian pondok perlu menjana pendapatan sendiri kerana bantuan yang diberikan oleh pihak berwajib tidak berlaku secara berterusan. Bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan sedikit sebanyak dapat membantu kos urus tadbir institusi pengajian pondok. Walaubagaimanapun, bantuan hanya diutamakan kepada institusi pengajian pondok yang berdaftar dengan pihak berwajib sahaja sahaja sama ada dengan pertubuhan-pertubuhan pembangunan pondok, pihak berkuasa agama Islam negeri atau dengan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (NGO diperingkat pusat) sedangkan ada lagi institusi pengajian pondok yang masih tidak berdaftar. Kebanyakan institusi pondok kini terus beroperasi dengan bantuan zakat, wakaf, derma, sumbangan orang ramai, NGO, yayasan, pertubuhan dan syarikat korporat.

Pihak kerajaan sama ada kerajaan pusat atau kerajaan negeri sewajarnya memberikan elaun khusus untuk para guru pondok sebagaimana peruntukan elaun yang diberikan kepada para imam dan bilal di masjid. Elaun ini boleh diberikan secara bulanan sebagaimana yang diperuntukkan terhadap petugas-petugas agama contohnya petugas institusi masjid di setiap negeri. Ini memandangkan para guru pondok mengajar ilmu agama secara ikhlas tanpa mengenakan sebarang bayaran untuk tenaga yang disumbangkan. Dengan pemberian elaun tersebut, sedikit sebanyak dapat membantu kehidupan para guru pondok untuk kelangsungan kehidupan seharian mereka. Selain itu, para guru pondok akan dapat menumpukan masa sepenuhnya terhadap aktiviti pengajian tanpa perlu menumpukan kepada usaha-usaha lain untuk mencari rezeki.

Dalam meningkatkan kualiti infrastruktur dan prasarana di institusi pengajian pondok terutamanya yang bercirikan tradisional, maka sewajarnya bantuan kewangan dapat dipertingkatkan dalam membantu institusi ini menambah baik aset-aset yang dimiliki. Walaupun tidak dinafikan adanya bantuan daripada pihak kerajaan, namun kebanyakannya adalah berbentuk "one off" dan tidak secara berterusan. Alternatif-alternatif untuk mengumpulkan dana pondok sememangnya dilakukan oleh pihak pengurusan pondok merangkumi bantuan dari aspek sumbangan atau infaq daripada pelbagai pihak. Namun, ianya tidak berupaya untuk menampung kos-kos yang diperlukan untuk pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur baru yang semakin meningkat. Pembangunan prasarana baru terpaksa dilakukan secara berperingkat berdasarkan kemampuan kewangan yang ada oleh sesebuah institusi pengajian pondok. Oleh itu, bantuan berkala dan peruntukan pendidikan daripada pihak kerajaan sebagaimana yang dilakukan terhadap institusi-institusi pengajian lain perlu dilaksanakan dalam rangka meningkatkan kualiti pendidikan dan prasarana-prasarana agar suasana pengajian berada dalam komposisi yang kondusif serta meningkatkan kualiti dan ciri keselamatan kepada semua warga pondok. Bajet yang berterusan perlu difikirkan sebagai usaha meningkatkan kualiti operasi dan pembangunan memandangkan institusi pengajian pondok berperanan penting dalam meningkatkan pemahaman Islam dan menyumbang kepada pembangunan syiar Islam di Malaysia sejak zaman berzaman.

Pendaftaran

Penubuhan institusi pengajian pondok yang tidak berdaftar dengan persatuan atau institusi-institusi kerajaan seperti pihak berkuasa agama negeri telah menjadi satu permasalahan dari aspek pengurusan maklumat, pemantauan dan pengagihan bantuan. Pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang terlibat telah menjalankan usaha yang berterusan agar pengurusan pondok mendaftarkan penubuhan pondok mereka untuk pelbagai manfaat. Isu pihak pondok tidak melakukan pendaftaran ini disebabkan institusi pengajian pondok tidak mahu terikat dengan dasar-dasar tertentu dan aktiviti yang dijalankan mungkin dipantau. Selain itu, berlaku kekeliruan daripada pengurusan pondok dari aspek keperluan dalam mematuhi syarat pengurusan institusi pengajian dan pematuan syarat pembinaan bangunan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (Hazira, 2017). Tambahan pula, pihak pengurusan pondok tidak mendaftar kerana beranggapan pihak kerajaan ingin mengambil alih, mengawal dan mencampuri hal ehwal institusi mereka (Noornajihan et al., 2018). Selain itu, isu berkaitan pemilikan tanah juga merupakan antara faktor yang menyebabkan masih ada lagi pondok yang tidak berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri selain daripada isu struktur bangunan dan modul pengajian (Nor Fazlina, 2025).

Antara faktor lain pihak pengurusan pondok tidak mendaftar kerana bimbang aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga dikhuatiri berubah mengikut dasar dan syarat yang mungkin

diberikan kepada institusi tersebut. Contohnya, antara penerapan baru dalam kurikulum pengajian pondok yang mungkin dilaksanakan ialah aspek pendidikan kemahiran. Sekiranya mekanisma ini dikuatkuasakan, pembaharuan ini akan mengganggu matlamat asal pondok untuk melahirkan para ulama dan pendakwah. Tambahan pula, kebanyakan institusi pondok tradisional lebih selesa bergerak bebas dan berdiri sendiri tanpa kawalan untuk menjalankan aktiviti pengajian mengikut kesesuaian dan kepakaran guru yang mengajar di pondok tersebut. Kesannya, institusi pondok terbabit sukar untuk diberikan bantuan sama ada kewangan atau penambahbaikan kepada kualiti pendidikan. Selain itu, pihak agensi agama sukar untuk menyelesaikan permasalahan yang mungkin berlaku berkaitan pondok terbabit meliputi pengurusan tapak pondok pembinaan bangunan yang tidak menepati piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan serta isu tanah wakaf yang tidak didaftarkan (Noornajihan et al., 2018).

Pemanfaatan Teknologi

Dewasa ini, kemajuan teknologi telah digunakan untuk menyebarkan ilmu-ilmu dalam kitab-kitab turath kepada masyarakat umum yang menyaksikan ilmu-ilmu turath dapat dicapai dengan menggunakan internet. Warga pondok telah berupaya memuat naik syarahan, kuliah, perbincangan masalah dan banyak lagi untuk dihayati oleh masyarakat awam. Perkembangan ini sangat penting dalam menyebarkan maklumat berkenaan sistem pondok serta keunikan dan perkembangan ilmu yang berlaku. Dengan ini, medium dakwah Islam semakin meluas dan boleh dicapai oleh seluruh anggota masyarakat yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan institusi pendidikan tradisional ini (Solahuddin & Zaheruddin, 2015).

Alternatif ini dapat dilihat apabila kuliah-kuliah guru-guru pondok yang ternama telah dirakam dan dimuatnaik dalam Youtube serta laman-laman sosial seperti Facebook dan Whatsapp. Malahan, kuliah-kuliah guru-guru pondok juga telah disiarkan secara langsung dalam laman Facebook. Usaha sesetengah institusi pengajian pondok yang memanfaatkan kemajuan teknologi masa kini merupakan satu usaha positif dalam menyebarkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Dengan menggunakan medium seperti Facebook, Whatsapp, Youtube dan sebagainya, kuliah-kuliah ilmu terutamanya pengajian kitab-kitab turath dapat diikuti oleh segenap lapisan masyarakat. Usaha ini perlu diperluaskan lagi kepada institusi-institusi pengajian pondok yang ada di seluruh Malaysia sebagai satu paradigma baru ke arah transformasi dalam menyebarkan luas ilmu-ilmu Islam. Perkembangan teknologi yang semakin canggih perlu dimanfaatkan agar perkembangan dan penyebaran ilmu-ilmu Islam dapat dilaksanakan secara holistik. Pengajian berasaskan kitab yang dibantu dengan medium teknologi dirasakan dapat membantu proses PnP disebabkan bahan-bahan yang berkaitan dengan pengajian dapat dicapai secara mudah dan cepat. Keperluan kepada teknologi-teknologi semasa dalam aspek pendidikan di institusi pengajian pondok sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan daya pemikiran serta menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam seluruhnya.

Kerajaan juga berusaha untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi merangkumi teknologi maklumat, pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI) di institusi pondok. Hal ini memandangkan institusi tersebut merupakan benteng dalam mempertahankan akidah, sahsiah dan akhlak umat Islam terutamanya pada zaman kini. Institusi kerajaan yang terlibat seperti pihak JAKIM dan Kementerian Kewangan akan bekerjasama dalam membangunkan sekolah agama dan pondok dengan teknologi baharu dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan (Harian Metro, 2025).

Kesimpulan

Institusi pengajian pondok sememangnya telah mengekalkan tradisi pengajian turath yang diwarisi sejak turun temurun. Walaupun hambatan kemodenan memberi satu implikasi atau cabaran kepada keutuhan serta kelestarian pengajian pondok, institusi ini terus berupaya dalam operasinya sebagai pusat pendidikan dan dakwah Islam di rantau ini. Walaubagaimanapun, institusi pengajian pondok seharusnya melakukan transformasi yang bersesuaian dengan tidak menghilangkan nilai-nilai tradisi yang sedia ada untuk mengekalkan kelangsungan institusi ini dalam arus perdana. Anjakan transformasi dan penambahbaikan perlu dilakukan dalam pelbagai aspek agar institusi ini dapat bersaing dengan institusi-institusi lain yang lebih moden dan memenuhi tuntutan semasa. Penilaian dan anjakan ke arah menjadikan institusi pengajian pondok dapat berdaya saing dalam arus pendidikan kini perlu dilaksanakan untuk memastikan institusi ini terus mendapat tempat di kalangan masyarakat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Pembaharuan-pembaharuan yang bersesuaian dengan suasana globalisasi kini sewajarnya dilaksanakan dalam meletakkan institusi ini seiring dengan institusi-institusi pendidikan Islam lain. Langkah ini penting agar institusi pendidikan Islam formal yang pertama di Nusantara ini dapat meneruskan legasi dan mampu menyumbang ke arah perkembangan pendidikan Islam serta aktiviti dakwah terhadap masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan di Nusantara amnya.

Rujukan

- Abd. Rahman Abd. Ghani, Misnan Jemali, Mohd Noor Daud & Abdul Munir Ismail. (2016). Pelaksanaan Kurikulum Tajwid di Sekolah-Sekolah Pondok Negeri Perak. *Jurnal Perspektif Jil. 8 Bil. 2*, 54-69.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri Melayu Muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition 2012, Vol.4*, 23-35.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Mohd Shafiee Hamzah. (2019). *Sejarah dan Perkembangan Institusi Pengajian Pondok di Negeri Terengganu*. Kuala Nerus : Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin
- Abdullah Ishak. (1987). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri
- Abdullah Jusoh. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Aisyah Ab Rahima & Mohd Roslan Mohd Nor. (2020). Institusi pengajian pondok di Selangor: Kajian terhadap sejarah dan perkembangan. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 7(2), 1-20.
- Azman Ab. Manaf. (2001). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Gamal Abd. Nasir Zakaria. (2010). Pondok Pesantren : Changes and its Future. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 45-52.
- Harian Metro*. (2 Ogos 2025). Kerajaan akan perkasa sekolah pondok dengan teknologi baharu, AI.
- Hazira Ahmad Zaidi. (2017). Tolong Daftarkan Madrasah, Pusat Tahfiz. (*Harian Metro* 21 September 2017).
- Juhaidi Yean Abdullah. (2018). *Profil Pondok Malaysia*. Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia.

- Kamarul Azmi Jazmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Kompri (2018). *Manajemen dan Kepimpinan Pondok Pesantren*. Jakarta : Prenadamedia Group
- Lailatul Husni. (2025). Peran ulama dalam penyebaran Islam Di Nusantara: Kajian literatur historis. *Journal Of Scientific Studies And Multidisciplinary Research*. 2 (2), 219-226.
- Luqman Abdullah (2018), (Temubual pada 13 Mac 2018), Mudir Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan
- Luqman Abdullah (2018). Pengajian Pondok Bentuk Identiti Muslim, Budaya Melayu. (*Berita Harian 23 Disember 2018*).
- Luqman Abdullah. (2011). Latest development of traditional Islamic education in Kelantan. *Prosiding INTED 2011*, 7-9 Mac 2011, Valencia, Sepanyol
- Mashitah Ibrahim. (2013). Meningkatkan Pendidikan Pondok. (*Sinar Harian 13 Disember 2013*)
- Masyurah Mohd Rawi, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Siti Aisyah Romli. (2015). Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *Prosiding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization* (Poltan-Ukm-Polimed), Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maziahtusima Ishak, Siti Rugayah Hj. Tibek & Zulkiple Abd. Ghani (2019). Isu dan cabaran pendidikan pondok dari lensa pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4 (31), 284-393.
- Mohammad Redzuan Othman. (2006). *Islam dan masyarakat Melayu: Peranan dan pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Wahyudi. (2024). Institusi pondok dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Kependidikan Islam*. 14 (1), 85-91.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Ikhlash Rosele, Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Akmal Sidik. (2016). Sumbangan ulama Melayu klasik dalam pembinaan kearifan tempatan di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27, 178-196.
- Mohd Izzudin Ramli & Mohamad Zaini Abu Bakar (2013), Kearifan tempatan dalam institusi sekolah pondok: Kajian kes di Malaysia. *Prosiding Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2013*, 6-7 Oktober 2013, Terengganu.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin, Shahril Nizam Bin Zulkipli, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Muhammad Yusri Bin Yusof @ Salleh, Paiz Bin Hassan, Ab. Munir Bin Mohd Noh, Mohd Muhaizam Bin Md Ishak. (2012). Sejarah kedatangan Islam ke Malaysia : Analisa kawasan pertapakan Islam paling awal Di Malaysia. *Prosiding Simposium Nusantara 9 2012 (11 & 12 Disember 2012)*, UiTM Perak Malaysia.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Rahimin Affandi Abd Rahim, Abd. Munir Mohd Noh, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mazlah Yaacob. (2022). Merekonstruksi sejarah pendidikan pondok di wilayah timur laut semenanjung Malaysia dalam Muhd Imran Abd, Razak, Ahmad Rozaini Ali Hassan dan Shahril Nizam Zulkipli (ed.), *Paradigma Ilmu Islam Dan Realiti Semasa*, 757-767.
- Mohd Zulkifli Zainuddin. (2017). Sekolah pondok tiada ciri keselamatan. (*Berita Harian, 15 September 2017*).

- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. (2015). Islamisasi awal di Pahang: Satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*. 24 (1). 2-14
- Muhammad Noh Hilmi Bin Che Hussin & Mahani binti Mokhtar. (2024). Transformasi institusi pengajian pondok dalam menghadapi era digital. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2024*, 10-18.
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani & Siti Rugayah Tibek. (2018). Cabaran institusi pendidikan pondok serta impak terhadap pembentukan diri pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 223 - 235.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2025). Isu pemilikan tanah, struktur bangunan dipercayai punca banyak pondok tidak berdaftar. *Harian Metro* (6 Julai 2025)
- Nur Syafareena Madhie, Nabilah Hanis Che Nan, Khazri Osman & Ahmad Irdha Mokhtar (2023). Peranan institusi pondok dalam mengukuhkan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. *Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 1-13.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2010). Paradigma tradisionalisme dan pentadbiran undang-undang Islam dan fatwa di negeri Kelantan: Satu analisis sejarah. *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*. 38, 25-44.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammad Izzuddin Helmi Dzulkifli. (2015). Institusi pondok tradisional sebagai model kearifan Melayu-Islam: Antara tradisi dan harapan. Dalam *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 44-51.
- Salmiah Ismail, Zainab Ismail dan Salasiah Hanin Hamjah. (2014). Kemapanan institusi pondok di Kelantan: Kajian konsep. *Jurnal Islamiyyat* 36(1), 49-52.
- Siti Nur Azierah Abdul Ghani & Khazri Osman. (2021). Ketokohan Haji Abdul Samad dalam bidang dakwah. *Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH) 2021*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-12.
- Solahuddin Ismail & Zaheruddin Othman. (2015). Pembangunan pendidikan Islam tradisional dalam komuniti ASEAN: Perbandingan antara Malaysia, Indonesia dan Thailand. *Prosiding 2nd International Conference on Innovation and Sustainability (ICOIS 2015)*, Duangtawan Hotel Chiang Mai Thailand pada 12-13 November 2015.
- Zurita Mohd Yusoff, Hasanulddin Mohd, Abdul Karim Ali, Engku Ibrahim Engku Wok, Noor Anida Awang & Syed Mohd Hafiz Syed Omar. (2015). Tok Pulau Manis: Pioneer of Fiqh writings in the Malay Peninsular. *Asian Social Science*. 11 (1). 84-90.